

178



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7350 Faks: 03-8887 5013**

### “PEGAWAI MUDA TERUS KOMITED MENGHARUMKAN NAMA PPj ”

**PUTRAJAYA, 12 Mac 2018** - Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan **Majlis Apresiasi Perbadanan Putrajaya** untuk meraikan kejayaan 24 pegawai muda PPj yang telah berjaya mengharumkan nama PPj dan Wilayah Persekutuan dengan mengibarkan Bendera Wilayah Persekutuan di Program Lambaian Kinabalu Februari lalu. Majlis yang diadakan di Bilik Anggerik, Aras 9, Kompleks Perbadanan Putrajaya dihadiri oleh **YBhg. Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail, Presiden Perbadanan Putrajaya**.

Program Lambaian Kinabalu 2018 Pegawai Muda PPj yang dianjurkan bulan lalu bertujuan meraikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan juga Penubuhan 23 tahun Putrajaya bagi memberi satu bentuk kelainan kepada pengiktirafan nilai patriotik yang jitu ke atas Wilayah Persekutuan khususnya dan juga Putrajaya amnya.

Sebagai tanda simbolik, pendakian ini juga bukan bertujuan untuk menawan puncak Kinabalu semata-mata tetapi turut membawa misi penting iaitu merentangkan Bendera Wilayah Persekutuan yang terbesar iaitu bersaiz 30meter x 10meter di Dataran Puncak Kinabalu (KM8) tepat pada 1 Februari 2018.

Program anjuran Biro Sukan dan Rekreasi Pegawai Muda PPj diterajui oleh **En.Mohamad Sujairi bin Ishak & Ketua Ekspedisi oleh En. Adi Khirman Marji**. Barisan pendaki yang terpilih untuk menjayakan Ekspedisi ini terdiri daripada Pegawai Pengurusan & Professional PPj yang telah berjaya melepasi sesi pemilihan berperingkat.

Majlis Apresiasi Lambaian Kinabalu yang dianjurkan ini bertujuan untuk menzahirkan rasa syukur ke atas kelancaran ekspedisi serta menghargai kegigihan Pegawai-Pegawai Muda PPj sehingga meraih kejayaan. Majlis ini juga diharap dapat menggalakkan lebih ramai lagi barisan Pegawai Muda mendepani sebarang cabaran dalam merealisasikan visi dan juga misi **Perbadanan Putrajaya**.

Untuk maklumat lanjut berhubung Majlis Apresiasi Lambaian Kinabalu 2018, sila hubungi **En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Media PPj** di talian **03-8887 7347**, e-mel [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).



**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 Mac 2018